

Sukan

Pada 9 Disember lalu, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, bersama Muhammad Shakir Juanda, muncul sebagai juara berganda dunia dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia yang diadakan di pulau peranginan Bali, Indonesia. Namun, kejayaan dalam gelanggang persilatan bukan sesuatu yang baru bagi Sheik Farhan. Bapanya, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, turut pernah memenangi dua gelaran juara dunia dan pelbagai pingat, termasuk emas, dalam kejohanan serantau dan antarabangsa. Begitu juga kakak dan abangnya. Malah, dua adiknya juga sedang dilatih untuk menuruti jejak mereka. ISMAIL ALI (ismail@sph.com.sg) menemui keluarga silat ini untuk menjejaki pembangunan Sheik Farhan dan adik-beradiknya.

Juara silat dunia

Sheik Farhan tak banyak cakap, buat sahaja

BELIAU tidak banyak bicara. Apabila di-soal, jawapannya ringkas, padat dan tanpa bunga-bunga.

Namun, di sebalik sifat pendiam dan dulu berperangai agak "nerdy" atau selenga, seperti kata bapanya, terpendam keyakinan diri yang tinggi bahawa beliau boleh melaksanakan apa sahaja tugas dan menghadapi apa juga cabaran yang datang di depannya.

Itulah sikap juara dunia berganda muda Sheik Farhan Sheik Alau'ddin untuk membuktikan bahawa orang pendiam tidak semestinya pasif dan tidak boleh berjaya.

Sheik Farhan, yang menyambut hari jadinya yang ke-19 semalam, berjaya mempertahankan gelaran juara dunia Kelas J (90-95kg) yang dimenangkannya tahun lalu apabila muncul juara dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia Ke-17 di Bali, Indonesia, pada 9 Disember lalu.

"Sebenarnya saya tidak perlu membuktikan apa-apa. Bagi saya, dalam menghadapi apa juga pertandingan, apa yang perlu saya lakukan selepas berlatih bersungguh-sungguh adalah masuk ke gelanggang dan menang. Itu sahaja," jelas beliau ringkas, yang kini menyamai rekod pencapaian bapanya, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, yang memenangi dua kejuaraan dunia semasa mudanya.

Sikap dan keyakinan yang sama juga beliau tunjukkan dalam pelajaran.

Sheik Farhan mencatat keputusan cemerlang dan ditawarkan mengikuti pengajian dalam bidang Kejuruteraan Jitu di Politeknik Nanyang (NYP) dan kini sudah pun berada dalam tahun ketiga pengajiannya.

"Farhan memang pendiam. Malah, pada mulanya kami tidak sangka beliau boleh berjaya dalam gelanggang silat antarabangsa," cerita Sheik Alau'ddin mengenai perkembangan anaknya itu.

"Ini kerana beliau tidak pernah menang (muncul juara) sehinggalah selepas menengah tiga.

"Dulu beliau agak nerdy sedikit, tinggi dan tidak berisi. Jadi apabila saya letakkan Farhan di bawah bimbingan saya, saya menyuruh beliau meningkatkan latihan mengangkat berat untuk menjadikan tubuhnya lebih berisi dan sasa.

"Sejak itu, prestasinya mula meningkat dan timbul keyakinan dalam diri saya bahawa Farhan boleh pergi jauh.

"Pada usia 17 tahun, apabila saya turunkan Farhan buat pertama kali dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia Ke-16 di Thailand, beliau mengejutkan semua dengan muncul juara."

Menurut ibunya, Sa'adiyah Sanuse, Sheik Farhan turut menunjukkan keyakinan yang sama dalam pelajaran.

"Saya pernah bertanyakan padanya ketika Farhan berada di sekolah menengah jika beliau memerlukan bantuan tuisyen untuk matematik atau sains. Jawapannya ringkas sahaja bahawa dia boleh buat sendiri.

"Kemampuannya terbukti apabila Farhan mencatat keputusan yang baik dalam peperiksaan dan mendapat tawaran mengikuti pengajian dalam bidang Kejuruteraan Jitu di NYP," kata Cik Sa'adiyah.



BAPA JUARA BERGANDA, ANAK JUGA: Sheik Farhan sambil tersipu-sipu menunjukkan dua pingat emas Kejohanan Pencak Silat Sedunia yang membawa gelaran juara dunia yang dimenangkannya secara berturut-turut di Thailand pada 2015 dan Bali, Indonesia kepada bapanya, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, pemegang dua gelaran juara Kejohanan Pencak Silat Sedunia dan dua gelaran juara Kejohanan Terbuka Undangan Sedunia selain tiga pingat emas Sukan SEA. — Foto M.O. SALLEH

Ditanya sama ada beliau menghadapi kesukaran mengimbangi masa menjalani latihan intensif silat secara berterusan dan menyiapkan tugas persekolahannya, Sheik Farhan, yang ditemui di flat mereka di Pasir Ris bersama kesemua adik-beradiknya kecuali Sheik Ferdous yang sedang menjalani Perkhidmatan Negara, berkata:

"Tidaklah. Saya pastikan saya beri sepenuh perhatian semasa kuliah dan menyiapkan semua tugas sebelum pergi ke latihan silat.

"Bagi saya, apabila anda tumpukan sepenuh perhatian pada tugas yang perlu anda laksanakan, anda akan mampu melakukannya.

"Bagi saya, apabila saya diberi apa pun tugas, sama ada di gelanggang silat ataupun dalam pelajaran, saya akan berusaha melakukan yang terbaik."

Mengenai impian masa depannya dalam silat, Sheik Farhan, seperti yang dijangka, tidak pandai menyusun kata-kata, selain berkata:

"Saya akan melakukan yang terbaik dalam semua kejohanan sama ada Sukan SEA, Sukan Asia ataupun Sukan Olimpik (pada suatu hari nanti)... tidak kiralah apa juga pingat yang saya akan menangi, emas, perak atau gangsa.

"Namun, saya akan masuk ke gelanggang dengan mentaliti saya yang terbaik dan mahu menang."

Dalam temu bual terdahulu, Sheik Farhan meluahkan hasrat memenangi pingat emas dalam Sukan SEA di Kuala Lumpur pula.

Ini kerana selepas penyertaan lewat beliau dalam Sukan SEA Singapura pada tahun lalu tidak diterima.

Ditanya sama ada beliau merancang menjadi 'Anggota Keluarga Sheik Terbaik' dengan memenangi lebih dua gelaran juara dunia pada masa depan, Sheik Farhan dengan perasaan penuh rendah hati dan suara yang perlahan mengucapkan:

"Tidaklah. Bapa saya yang terbaik dan saya tidak akan menandinginya. Beliau yang mengajar dan menunjukkan jalan bagi saya."

Mendengar jawapan itu, Sheik Alau'ddin, yang memenangi dua gelaran juara Kejohanan Pencak Silat Sedunia dan dua gelaran juara Kejohanan Terbuka Undangan Sedunia selain tiga pingat emas Sukan SEA, hanya tersenyum sambil berkata:

"Ya beliau akan menjadi lebih baik. Pada usia 19 tahun, beliau sudah meraih dua gelaran juara dunia. Peluangnya memenangi banyak lagi kejuaraan cerah."

"Sebenarnya saya tidak perlu membuktikan apa-apa. Bagi saya, dalam menghadapi apa juga pertandingan, apa yang perlu saya lakukan selepas berlatih bersungguh-sungguh adalah masuk ke gelanggang dan menang. Itu sahaja."

— Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, juara berganda silat dunia, yang turut menunjukkan keyakinan tinggi dalam pengajian dalam jurusan Kejuruteraan Jitu di Politeknik Nanyang.

"Farhan memang pendiam. Malah, pada mulanya kami tidak sangka beliau boleh berjaya dalam gelanggang silat antarabangsa. Ini kerana beliau tidak pernah menang (muncul juara) sehinggalah selepas menengah tiga. Dulu beliau agak nerdy sedikit, tinggi dan tidak berisi... Pada usia 17 tahun, apabila saya turunkan Farhan buat pertama kali dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia Ke-16 di Thailand, beliau mengejutkan semua dengan muncul juara."

— Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, CEO Persisi.

Sheik tidak paksa anak sertai silat, hanya nasihat

TIDAK ada seorang pun daripada enam anak bos silat Singapura, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, yang dipaksa mengambil sukan sebagai acara sukan.

Buktinya, anak sulung beliau, Nur Shafiqah, 23 tahun, kini menyertai syarikat penerbangan Singapore Airlines sebagai pramugari.

Anak keduanya, Sheik Ashiddiq, 22 tahun, sedang menyambung pengajian dalam bidang fisioterapi selepas menggemang meraih diploma dalam bidang sains farmasetikal.

Namun, kededuanya pernah mewakili Singapura dan menyertai silat di peringkat remaja tetapi Sheik Ashiddiq terpaksa mengundurkan diri atas sebab kesihatan.

Kini hanya Sheik Ferdous, 20 tahun; Sheik Farhan, 19 tahun; Sheik Fayz, 13 tahun; dan Nur Shaqira, sembilan tahun, masih menceburi silat secara aktif.

"Saya hanya menasihatkan anak-anak saya mengenai sukan yang mahu mereka ceburi dan bertanya sejauh mana mereka mahu pergi dalam sukan itu.

"Saya menjelaskan kepada mereka bahawa dengan pengalaman saya dalam sukan silat olahraga, saya boleh membantu mereka mewakili negara hingga ke tahap tertinggi dengan bertanding di sama ada dalam pertandingan serantau mahupun antarabangsa.

"Dan mereka mendengar nasihat saya dan menikmati apa yang mereka kecap sekarang," jelas Sheik Alau'ddin Yacoob, Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Silat Singapura dan pengasas Persatuan Silat Grasio yang mengendalikan sekolah silatnya



KELUARGA JUARA: Sheik Alau'ddin (dua dari kiri) dan isterinya Sa'adiyah (tiga dari kanan) berjaya meyakinkan anak-anak mereka — (dari kiri) Nur Shaqira, Sheik Ashiddiq, Sheik Fayz, Nur Shafiqah dan Sheik Farhan (tengah memegang pingat emas) — bahawa dengan pengalamannya dalam silat, beliau dapat membantu mereka mencapai peringkat tertinggi dalam sukan bukan sahaja di peringkat nasional, malah serantau dan antarabangsa. Sheik Ferdous tidak ada dalam gambar kerana tugas dalam Perkhidmatan Negara.

sendiri.

Beliau, yang memegang empat gelaran juara dunia — dua dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia dan dua lagi dalam Kejohanan Terbuka Antarabangsa — selain tiga pingat emas Sukan SEA, menambah bahawa selain bersukan, beliau juga amat menitikberatkan pelajaran.

"Saya mahu mereka berjaya bukan sa-

haja dalam sukan, malah pelajaran," terang beliau.

Seperti dalam latihan dan pertandingan anak-anak beliau mendengar nasihatnya.

Nur Shafiqah memegang ijazah sarjana muda jurusan Sains dan Pengurusan Sukan daripada Universiti Teknologi Nanyang, manakala Sheik Ashiddiq meraih diplomasinya daripada Politeknik Republic.

Sheik Ferdous, yang kini menjalani Perkhidmatan Negara memegang Diploma dalam Sains Biomedikal daripada Politeknik Temasek; dan Sheik Farhan sedang mengikuti pengajian tahun ketiga Diploma Kejuruteraan Jitu di Politeknik Nanyang.

Dua lagi, Sheik Fayz berada di menengah satu dan adik bongsunya, Nur Shaqira di darjah tiga.